

Emosi luar kawal punca jenayah

Oleh **AFZAN YUSOF**

afzan.yusof@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Emosi luar kawalan dan tidak dapat mengawal kemarahan dikenal pasti punca berlakunya insiden pembunuhan dalam kalangan ahli keluarga atau orang terdekat.

Pakar Kriminologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr. Mohammad Rahim Kamaluddin berkata, perasaan amarah semakin menguasai pertimbangan akal apabila ada provokasi atau stimulus persekitaran termasuk daripada mangsa.

Sebab itulah katanya, dalam kebanyakan kes pembunuhan membabitkan ahli keluarga dan individu rapat, ia berlaku secara tidak dirancang tetapi boleh berlaku secara di luar jangka.

"Dendam barangkali sudah berlaku sejak lama tetapi dipen-

damkan sahaja. Apabila sampai ke suatu peringkat, apabila sahaja marah tercetus, mulalah berlaku keganasan dan tindakan agresif yang hingga tanpa sengaja mengakibatkan kematian," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas mengenai emosi marah tidak terkawal hingga menyebabkan insiden kematian.

Rabu lalu, pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Madya Dr. Maizatuniza Othman, 40, maut dipercayai dijerut suaminya sendiri.

Mohammad Rahim berkata, dalam kajian dilakukan mengenai insiden kemarahan dalam kalangan 100 banduan lelaki pada 2015, 70 peratus

daripada pelaku melakukan jenayah bunuh akibat gagal mengawal marah.

Mohammad berkata, marah perlu dikawal kerana ia boleh mengundang risiko berbahaya termasuk membunuh atau mencederakan pelaku sendiri atau orang yang berada berdekatan.

"Marah itu naluri manusia tetapi marah keterlaluan itu boleh memudaratkan. Redakan kemarahan dengan menghembus dan tarik nafas beberapa kali, beredar segera dari tempat yang ada stimulus atau provokasi itu," kata beliau.



**MOHAMMAD
RAHIM
KAMALUDDIN**